



Rujukan: MITI.700-16/1(3)

Tarikh : 18 Mac 2020

EDARAN MELALUI EMEL

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SYARAT-SYARAT OPERASI SEKTOR PEMBUATAN SUSULAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MULAI 18 HINGGA 31 MAC 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah bermula hari ini sehingga 31 Mac 2020. PKP ini bertujuan untuk membendung penularan COVID-19 dari menjadi lebih serius dan berleluasa. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan gangguan kepada rantaian bekalan khususnya makanan dan keperluan kritikal yang lain, Kerajaan melalui MITI telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri, dan pemegang taruh yang lain untuk mempertimbangkan kelulusan membenarkan operasi industri pembuatan yang dikenalpasti sebagai kritikal.

3. Sehubungan itu, merujuk kepada keputusan Kerajaan yang telah diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada 18 Mac 2020, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian kepada beberapa sektor pembuatan yang mengeluarkan produk-produk kritikal untuk meneruskan operasi perkilangan bagi tempoh 18 hingga 31 Mac 2020. Senarai sektor berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**. Sesungguhnya demikian, syarikat-syarikat yang ingin beroperasi perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi memastikan bahawa hanya syarikat-syarikat yang berkelayakan akan beroperasi dalam tempoh PKP ini, Persatuan Industri/Dewan Perniagaan yang berkenaan adalah diminta untuk memaklumkan syarikat-syarikat yang layak tersebut untuk **membuat permohonan secara atas talian** seperti berikut:

- i. Untuk kelulusan beroperasi:
<https://www.miti.gov.my/index.php/forms/form/141> (**Lampiran C**)
- ii. Untuk kebenaran meletakkan peralatan pengilangan dalam keadaan siap siaga:
<https://www.miti.gov.my/index.php/forms/form/143> (**Lampiran D**)

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan, boleh dikemukakan melalui emel: covid19.mfg@miti.gov.my.

5. Kerajaan ingin menegaskan bahawa kelulusan ini boleh dibatalkan dan ditarik balik, sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi oleh pihak industri. Tambahan pula, sekiranya Kerajaan perlu memastikan pembekalan tempatan mencukupi, syarikat-syarikat perlulah mematuhi arahan tersebut.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Salam hormat,



(DATO' LOKMAN HAKIM ALI)

LAMPIRAN A

SENARAI SEKTOR PEMBUATAN KRITIKAL YANG DIBENARKAN BEROPERASI TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT MITI

A. Senarai Barang Penting yang Diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan (KKM)

Produk
1. Makanan dan minuman termasuk barang-barang yang diimport <ul style="list-style-type: none">• Beras• Gula• Minyak sayuran dan lemak haiwan• Tepung dan bijirin• Roti• Air• Produk tenusu – susu dan formula bayi• Rempah ratus• Makanan kering• Kopi dan teh• Makanan dalam tin• Daging• Ayam• Makanan haiwan / ternakan• Proses buah dan sayuran
2. Pertanian dan perikanan, termasuk import <ul style="list-style-type: none">• Ikan dan makanan laut• Buah-buahan• Sayur-sayuran
3. Produk barangan rumah <ul style="list-style-type: none">• Bahan pencuci• Bahan pembasmi kuman• <i>Sanitisers</i>• Barang penjagaan diri• Tisu tandas dan kertas tisu
4. Peralatan Perlindungan Peribadi (<i>Personal Protective Equipment - PPE</i>) termasuk Peralatan Keselamatan Kebakaran dan Pakaian Perubatan termasuk topeng muka, sarung tangan getah.
5. Farmaseutikal – semua bahan kimia dan ubat-ubatan
6. Bahan pembungkusan dan percetakan, termasuk dakwat
7. Peranti perubatan dan pembedahan
8. Bahagian untuk alat perubatan misalnya bahagian untuk ventilator

B. Senarai Produk Yang Merupakan Sebahagian Daripada Rantaian Bekalan Produk Penting Bagi Pengecualian Sekatan Pergerakan

Produk
1. Minyak dan Gas
2. Petrokimia <ul style="list-style-type: none">• Resin PTA & PET• Serat poliester & filament• Polypropylene & polyethylene• Resin ABS & MABS• <i>Maleic Anhydride</i>• Resin Pes PVC (<i>PVC Paste Resins</i>)• <i>Expanded EPE</i>• <i>Impact modifiers & processing aids</i>• <i>Styrene Monomer</i>• <i>Styrene Butadiene Latex</i>• <i>Polystyrene</i>
3. Bahan dan produk kimia – Baja dan Racun
4. Elektrikal & Elektronik (E&E) termasuk semikonduktor

**SYARAT-SYARAT BAGI OPERASI INDUSTRI SUSULAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

1. Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa atau yang berdaftar, bagi pengeluaran di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Syarikat hendaklah mewujudkan sistem bekerja dari rumah bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti pengilangan yang kritikal.
2. Syarikat dikehendaki untuk memenuhi permintaan dan keperluan produk keluaran atau perkhidmatan bagi pasaran tempatan sepenuhnya.
3. Syarikat hendaklah mengemukakan kepada MITI senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh PKP dan memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke kilang/premis.
4. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan, dan mengambil bacaan suhu badan pekerja pada setiap hari di pintu masuk kilang/premis. Bacaan bagi setiap pekerja hendaklah direkod dan disimpan untuk rujukan.
5. Sekiranya suhu badan didapati melebihi paras biasa, syarikat hendaklah menghubungi Pejabat Kesihatan atau Hospital Kerajaan terdekat.
6. Semua pekerja hendaklah mematuhi prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
7. Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk dan tempat-tempat lain yang berkaitan dalam kilang/premis, serta memastikan pemakaian *face mask* oleh setiap pekerja.
8. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/premis sebelum setiap *shift* atau operasi bermula.
9. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (common spaces) seperti lobi, lif, cafeteria, bilik-bilik mesyuarat, surau, bas/pengangkutan pekerja dan pusat rekreasi tertutup.

10. Syarikat hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses sanitasi dan pembasmian kuman setiap kali sebelum digunakan.
11. Syarikat hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik *social distancing* disediakan dan dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan pengeluaran fasiliti (production floor); cafeteria/kantin; bilik-bilik mesyuarat; surau dan dewan serba guna (multipurpose hall).
12. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah cemar premis, dan lain-lain kos yang berkaitan.
13. Kerajaan ingin menegaskan bahawa kelulusan ini boleh dibatalkan dan ditarik balik, sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi oleh pihak syarikat/industri.
14. Kerajaan berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN BEROPERASI
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**
REQUEST FORM TO OPERATE DURING MOVEMENT CONTROL ORDER

18 – 31 MAC 2020

MAKLUMAT AM <i>General Information</i>	
Nama Syarikat <i>Company Name</i>	
Nombor Pendaftaran Syarikat <i>Company Registration Number</i>	
Lesen Pengilang <i>Manufacturing License</i>	
Alamat <i>Address</i>	

Pegawai yang boleh dihubungi <i>Contact Person</i>	Nama <i>Name</i>	
	Jawatan <i>Designation</i>	
	No. Telefon <i>Telephone No.</i>	
	Emel <i>Email</i>	
Sektor <i>Sectors</i>	<input type="checkbox"/> Pembuatan <i>Manufacturing</i> <input type="checkbox"/> Perkhidmatan <i>Services</i> <input type="checkbox"/> Lain-lain <i>Others</i> : _____	
Produk <i>Products</i>		
Kapasiti Pengeluaran Terpasang <i>Installed Production Capacity</i>	Domestik <i>Domestic (%)</i>	
	Eksport <i>Exports (%)</i>	
Bilangan Pekerja Mengikut Jawatan <i>Number of Employees approved by position</i>	Pengurusan <i>Managerial</i>	
	Operasi <i>Production</i>	
Pengeluaran Bulanan (Domestik) <i>Monthly Production (Domestic)</i>	Januari 2020 (%) <i>January 2020 (%)</i>	
	Februari 2020 (%) <i>February 2020 (%)</i>	
Pengeluaran Bulanan (Eksport) <i>Monthly Production (Exports)</i>	Januari 2020 (%) <i>January 2020 (%)</i>	
	Februari 2020 (%) <i>February 2020 (%)</i>	

Jumlah Pekerja Sediaada (sehingga 15 Mac 2020) <i>Current Employees (as at 15 March 2020)</i>	
Jumlah minima pekerja untuk menjalankan operasi 'essential' dari 18-31 Mac 2020: <i>Minimum number of employees possible to run essential operations from 18-31 March 2020:</i>	

Sila membuat permohonan secara atas talian **sahaja** di pautan seperti berikut:

<https://www.miti.gov.my/index.php/forms/form/141>

*Kindly submit your request via online **only** at the following link:*

<https://www.miti.gov.my/index.php/forms/form/141>

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan, boleh dikemukakan melalui emel: covid19.mfg@miti.gov.my.

For enquiries regarding this application, kindly email to covid19.mfg@miti.gov.my.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MELETAKKAN PERALATAN
PENGILANGAN DALAM KEADAAN SIAP SIAGA**
*REQUEST FORM TO MAINTAIN MACHINERIES AT WARM IDLE DURING
MOVEMENT CONTROL ORDER*

18 – 31 MAC 2020

MAKLUMAT AM <i>General Information</i>		
Nama Syarikat <i>Company Name</i>		
Nombor Pendaftaran Syarikat <i>Company Registration Number</i>		
Lesen Pengilang <i>Manufacturing License</i>		
Alamat <i>Address</i>		
Pegawai yang boleh dihubungi <i>Contact Person</i>	Nama <i>Name</i>	
	Jawatan <i>Designation</i>	
	No. Telefon <i>Telephone No.</i>	
	Emel <i>Email</i>	
Sektor <i>Sectors</i>	<input type="checkbox"/> Pembuatan <i>Manufacturing</i> <input type="checkbox"/> Perkhidmatan <i>Services</i> <input type="checkbox"/> Lain-lain <i>Others:</i> _____	
Produk <i>Products</i>		

<p>Justifikasi meletakkan peralatan pengilangan dalam keadaan siapsiaga <i>Reason to maintain machinery on warm idle</i></p>	
<p>Jumlah minima pekerja untuk menjalankan operasi 'essential' dari 18-31 Mac 2020: <i>Minimum number of employees possible to run essential operations from 18-31 March 2020:</i></p> <p>(Please provide list of names and identification numbers)</p>	

*Strictly no production / manufacturing process is allowed

Sila membuat permohonan secara atas talian **sahaja** di pautan seperti berikut:

<https://www.miti.gov.my/index.php/forms/form/143>

Kindly submit your request via online **only** at the following link:

<https://www.miti.gov.my/index.php/forms/form/143>

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan, boleh dikemukakan melalui emel: covid19.mfg@miti.gov.my.

For enquiries regarding this application, kindly email to covid19.mfg@miti.gov.my.